



- 9 FEB 1985  
J.

NEGERI TERENGGANU  
**Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA  
**GOVERNMENT OF TERENGGANU GAZETTE**  
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 37  
Bil. 25

6hb Disember 1984

TAMBAHAN No. 12  
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 16.

**UNDANG-UNDANG SUNGAI**  
(Bil. 2 Tahun 1357)

**PERATURAN-PERATURAN SUNGAI (BAYARAN DAN LESEN)**  
1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh fasal 15(i) Undang-Undang Sungai (Bil. 2 Tahun 1357), Raja dalam Majlis Mesyuarat membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sungai (Bayaran dan Lesen) 1984** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Besar melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Nama dan  
mula berkuat-  
kuasa.

2. (1) Bayaran-bayaran yang kena dibayar berkenaan dengan lesen-lesen yang diberi di bawah Undang-Undang itu adalah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Bayaran lesen.

(2) Tertakluk kepada had-had yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, amaun sebenar bayaran yang akan dikenakan ke atas sesuatu lesen hendaklah menurut budibicara Raja dalam Majlis Mesyuarat.

3. Borang-borang bagi lesen yang akan diberi di bawah Undang-Undang itu hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Borang-borang  
lesen.

4. Peraturan Enakmen Sungai (Bayaran Lesen) 1969 adalah dibatalkan.

Pembatalan  
Tr. P.U. 9/69.

**JADUAL PERTAMA**  
(Peraturan 2)  
BAYARAN LESEN

(a) Lesen di bawah fasal 5(a) (i) dan 5(a) (ii) ... ..	Percuma
(b) Lesen di bawah fasal 5(a) (iA) ...	Tidak melebihi \$50.00 setiap hektar tanah yang tenggelam setahun
(c) Lesen di bawah fasal 5(a) (iii):	
(i) Bagi sebuah jambatan ...	\$50.00—\$500.00 setahun
(ii) Bagi sebuah tambatan ...	\$50.00—\$300.00 setahun
(iii) Bagi sebuah pangkalan ...	Percuma
(d) Lesen di bawah fasal 5(a) (iv) ...	\$50.00—\$500.00 setahun
(e) Lesen di bawah fasal 5(a) (v) ...	Percuma
(f) Lesen di bawah fasal 5(a) (vi) ...	\$50.00—\$500.00 setahun
(g) Lesen di bawah fasal 7(b) (i) ...	\$50.00—\$500.00 setahun
(h) Lesen di bawah fasal 7(b) (ii):	
(i) Bagi penjanaan elektrik ...	Tidak melebihi \$30.00 setiap kilowatt elektrik yang dijana dalam tahun yang berkenaan
(ii) Maksud-maksud lain ...	\$100.00—\$1,000.00 setahun
(i) Lesen di bawah fasal 7A ... ..	\$100.00—\$1,000.00 setahun

**JADUAL KEDUA**  
(Peraturan 3)  
BORANG I

LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SUNGAI  
[Fasal 5(a) (i); 5(a) (ii); 5(a) (iv) dan 5(a) (v)]

1. Lesen ini dikeluarkan kepada .....  
di alamat .....  
di bawah fasal \*5(a) (i)/5(a) (ii)/5(a) (iv)/5(a) (v) Undang-Undang Sungai (Bil. 2 Tahun 1357) bagi tempoh .....  
dari ..... haribulan ..... 19 ..... hingga ..... haribulan ..... 19 .....
2. Tempat perbuatan yang lesen ini membenarkan ialah .....
3. Bayaran tahunan bagi lesen ini ialah .....
4. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan akan terhenti atas kematian atau pembubaran pelesen.
5. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
- (a) Pelesen hendaklah patuh kepada semua arahan yang sah oleh Pegawai Pelesen.
- (b)
- (c)

6. Lesen ini boleh dibatalkan dengan serta merta, tanpa bayaran ganti rugi, tatkala terlanggarnya sebarang syarat di bawah perenggan 5 di atas.

Tarikh .....  
 \*Potong sebagaimana sesuai. Pegawai Pelesen

**BORANG II**  
**LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SUNGAI**  
**[Fasal 5(a) (ia)]**

- Lesen ini dikeluarkan kepada .....  
 di alamat .....  
 di bawah fasal 5(a)(ia) Undang-Undang Sungai (Bil. 2 Tahun 1357) bagi tempoh ..... dari ..... haribulan .....  
 19..... hingga ..... haribulan .....19.....
2. Sungai yang dibenarkan untuk diempang oleh lesen ini ialah Sungai ..... dan tempat di mana pengempangan itu dibenarkan ialah .....
3. Bayaran tahunan bagi lesen ini ialah .....
4. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan akan terhenti atas kematian atau pembubaran pelesen.
5. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
- (a) Pelesen hendaklah patuh kepada semua arahan yang sah oleh Pegawai Pelesen.
  - (b)
  - (c)
  - (d)
6. Lesen ini boleh dibatalkan dengan serta merta, tanpa bayaran ganti rugi, tatkala terlanggarnya sebarang syarat di bawah perenggan 5 di atas.

Tarikh .....  
Pegawai Pelesen

**BORANG III**  
**LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SUNGAI**  
**[Fasal 5(a)(iii)]**

- Lesen ini dikeluarkan kepada .....  
 di alamat .....  
 di bawah fasal 5(a)(iii) (\*jambatan, tambatan, pangkalan) Undang-Undang Sungai (Bil. 2 Tahun 1357) bagi tempoh .....  
 dari ..... haribulan .....19..... hingga .....  
 haribulan .....19.....
2. Tempat di mana \*jambatan/tambatan/pangkalan itu dibenarkan untuk dibina oleh lesen ini ialah .....

3. Bayaran tahunan bagi lesen ini ialah .....
4. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan akan terhenti atas kematian atau pembubaran pelesen.
5. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
  - (a) \*Jambatan/tambatan/pangkalan itu hendaklah dibuka kepada orang ramai.
  - (b) Pelesen tidak boleh mengenakan apa-apa bayaran ke atas pengguna-pengguna \*jambatan/tambatan/pangkalan itu melainkan dengan kebenaran Pegawai Pelesen.
  - (c) Pelesen hendaklah merujuk segala perbalahan atau pertelingkahan berkaitan dengan penggunaan \*jambatan/tambatan/pangkalan itu kepada Pegawai Pelesen dan hendaklah mematuhi pada keputusannya.
  - (d) Pelesen hendaklah patuh kepada semua arahan yang sah oleh Pegawai Pelesen.
  - (e)
6. Lesen ini boleh dibatalkan dengan serta merta, tanpa bayaran ganti rugi, tatkala terlanggarnya sebarang syarat di bawah perenggan 5 di atas.

Tarikh .....  
Pegawai Pelesen

\*Potong sebagaimana sesuai.

BORANG IV  
 LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SUNGAI  
 [Fasal 5(a)(vi)]

- Lesen ini dikeluarkan kepada .....  
 di alamat .....  
 di bawah fasal 5(a)(vi) Undang-Undang Sungai (Bil. 2 Tahun 1357) bagi tempoh ..... dari .....haribulan .....  
 19..... hingga..... haribulan..... 19.....
2. Lesen ini membenarkan pelesen \*menarik/mengeluar/mengumpul/mengguna/menggangu perairan di bawah tanah di .....
  3. Bayaran tahunan bagi lesen ini ialah .....
  4. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan akan terhenti atas kematian atau pembubaran pelesen.
  5. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
    - (a) Pelesen hendaklah patuh kepada semua arahan yang sah oleh Pegawai Pelesen.
    - (b)
    - (c)

6. Lesen ini boleh dibatalkan dengan serta merta, tanpa bayaran ganti rugi, tatkala terlanggarnya sebarang syarat di bawah perenggan 5 di atas.

Tarikh .....

.....  
Pegawai Pelesen

\*Potong sebagaimana sesuai.

BORANG V  
LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SUNGAI  
[Fasal 7(b)]

Lesen ini dikeluarkan kepada .....  
di alamat .....  
di bawah fasal \*7(b)(i)/7(b)(ii) Undang-Undang Sungai (Bil. 2  
Tahun 1357) bagi tempoh ..... dari ..... haribulan  
.....19..... hingga ..... haribulan .....19.....

2. Lesen ini membenarkan pelesen melencongkan air daripada  
Sungai ..... dari aliran semulajadinya.

3. Bayaran tahunan bagi lesen ini ialah .....

4. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan akan terhenti atas  
kematian atau pembubaran pelesen.

5. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang  
berikut:

(a) Air yang dilencongkan hendaklah diguna hanya untuk  
.....  
.....

(b) Pelencongan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada  
had-had yang berikut: .....

(c) Pelencongan hendaklah dilakukan dengan cara yang ber-  
ikut sahaja: .....

(d) Paip, parit atau saluran yang melaluinya pelencongan di-  
lakukan hendaklah sentiasa diselenggarakan dengan sem-  
purna oleh pelesen.

(e) Pelesen hendaklah patuh kepada semua arahan yang sah  
dari Pegawai Pelesen.

(f)

(g)

6. Lesen ini boleh dibatalkan dengan serta merta, tanpa bayaran ganti rugi, tatkala terlanggarnya sebarang syarat di bawah perenggan 5 di atas.

Tarikh .....

.....  
Pegawai Pelesen

\*Potong sebagaimana sesuai.

BORANG VI  
LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SUNGAI  
[Fasal 7A]

Lesen ini dikeluarkan kepada .....  
di alamat .....  
di bawah fasal 7A Undang-Undang Sungai (Bil. 2 Tahun 1357)  
bagi tempoh .....dari.....haribulan.....  
19.....hingga.....haribulan.....19.....

2. Lesen ini membenarkan pelesen untuk menyebabkan masuk  
atau membuang ke dalam Sungai ..... bahan-  
bahan yang berikut: .....

3. Bayaran tahunan bagi lesen ini ialah .....

4. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan akan terhenti atas  
kematian atau pembubaran pelesen.

5. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang  
berikut:

(a) Pelesen hendaklah patuh kepada semua arahan yang sah  
oleh Pegawai Pelesen.

(b)

(c)

(d)

6. Lesen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa mem-  
beri apa-apa sebab dan tanpa bayaran ganti rugi.

Tarikh .....

.....  
Pegawai Pelesen

Diperbuat pada 28 haribulan Oktober 1984.  
[SUK. TR. SULIT 11/1968; PUN. TR. 22/36]

CHE MAT BIN JUSOH,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Terengganu

اوندغ ۲ سوئي

(بيلاثن 2 تاهون 1357)

قراتوران ۲ سوئي (بايران دان ليسان) 1984

قد منجالنكن كواس ۲ يئخ دبري اوله فصل (1) 15 اوندغ ۲ سوئي  
(بيلاثن 2 تاهون 1357)، راج دالم مجلس مشواره ممبوات قراتوران ۲  
يئخ برايکوت:

1. قراتوران ۲ اين بولهله دنماکن قراتوران ۲ سوئي (بايران دان  
ليسين) 1984 دان هندقله مولا برقواتکواس قد تاريخ يئخ دتشفکن  
اوله منتري بسر ملالوهي قميريتاهوان دالم ورت.  
نام دان  
مولا  
برقواتکواس.

2. (1) بايران ۲ يئخ کنا دباير برکنان دثن ليسان ۲ يئخ دبري دباوه  
اوندغ ۲ ايت اداله سباکيمان دتشفکن دالم جدوال قراتام.  
بايران  
ليسين.